

# Pengurusan halal dari sudut ekonomi



Oleh PROF. MADYA  
DR. SUHAMI AB. RAHMAN

**H**ALAL bagi orang Islam merupakan tuntutan agama dan ia adalah perkara asas dalam kehidupan dan kini menjadi alat perniagaan yang semakin meningkat maju.

Sebagai pengeluar atau pembekal produk perkhidmatan halal, pengusaha perlu mematuhi standard halal agar kesuciannya tidak dicemari.

Ini adalah amanah daripada keseluruhan masyarakat Islam yang perlu dijunjung oleh setiap pengusaha.

Bagi pengusaha Islam, mungkin amanah itu tidak sukar dilaksanakan, namun bagi bukan Islam, ia mungkin akan menimbulkan kesukaran.

Dalam melaksanakan amanah ini, pihak industri tidak berseorangan kerana ia dibantu pihak berkuasa seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi memastikan kesucian halal tidak dicemari.

Dalam perniagaan, halal adalah suatu jenama dan merupakan salah satu alat pemasaran yang mempunyai daya tarikan kuat.

Pengguna mula menyedari bahawa halal bukan sahaja dikhurasukan kepada orang Islam tetapi juga bukan Islam kerana ia membawa maksud baik dan menyihatkan, selamat, berkualiti, bersih dan bergizi. Oleh itu, halal dapat diterima apabila mempunyai nilai sejagat.

Di Malaysia, pihak kerajaan memberi fokus terhadap pembangunan industri halal sejak tahun 2006 apabila Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) ditubuhkan bagi tujuan menyelaras perkembangan industri.

Jakim atau Majlis Agama Islam Negeri pula berperanan dalam memberi pengesahan halal serta memantau produk dan perkhidmatan diberikan.

## Sumber ekonomi

Halal dianggap sebagai sumber ekonomi baharu Malaysia. Kerajaan memberi fokus kepada pembangunan industri halal dan menjadikannya sebagai agenda penting negara apabila pembangunan halal dimasukkan dalam Pelan Induk Industri Halal dan juga Rancangan Malaysia Kesebelas.

Peningkatan dalam industri berkenaan meyakinkan pihak kerajaan untuk terus memberi fokus kepada perkembangan industri ini.

Berdasarkan Thomson Reuters State of Global Islamic and Economic Report 2015/2016, Malaysia dinobatkan sebagai negara Islam



PEMILIK sebuah pusat penyembelihan bersama pekerja bersiapan sedia memulakan proses penyembelihan mengikut syarak di Loji Pemprosesan Separa Mekanikal Pusat Penyembelihan di Semenyih, Selangor baru-baru ini. – Gambar hiasan

terbaik dalam kalangan 73 buah negara yang berjaya membangunkan ekonominya dengan maju.

Laporan yang sama juga turut meletakkan Malaysia di tempat pertama dalam kategori Makanan Halal, Kewangan Islam dan Pelancongan Halal serta berada di dalam kedudukan lima negara teratas bagi kategori farmaseutikal dan kosmetik.

Berdasarkan perkembangan ini, HDC optimis bahawa industri halal mampu menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) lebih tinggi daripada sasaran awal iaitu RM19 bilion pada tahun 2020.

## Risiko tinggi

Perkembangan ini telah menarik banyak pengusaha untuk terlibat dalam industri halal negara.

Mereka berlumba-lumba untuk mendapatkan peluang perniagaan dalam bidang tersebut. Namun, seperti disebutkan di atas, halal adalah amanah besar yang dipikul oleh pengusaha dan kesucianya perlu dijaga.

Dari perspektif perniagaan, isu halal sangat sensitif dan mempunyai risiko yang tinggi. Kesilapan dalam mentadbir urus perniagaan halal boleh menyebabkan syarikat mengalami kerugian besar.

Ini boleh dilihat dalam beberapa kes terdahulu seperti roti High 5 (Silver Bird Group), kerugian sebanyak RM18.25 juta pada sukuan pertama 2007 dan isu coklat Cadbury sekitar tahun 2014.

Kedua-dua perniagaan ini mengalami masalah perniagaan yang teruk disebabkan pengguna hilang kepercayaan.

Walaupun undang-undang memperuntukkan hukuman berat, namun untuk mengembalikan kepercayaan pengguna bukanlah perkara mudah.

Tadbir urus dan pengurusan halal yang cekap amat diperlukan bagi memastikan

masalah seperti di atas tidak timbul dan sekiranya wujud, ia boleh diatasi dengan cepat dan mudah.

## Tadbir urus

Pada peringkat nasional, tadbir urus dan pengurusan halal dibantu oleh pihak berkuasa seperti Jakim dan KPDNHEP, namun setiap organisasi juga digalakkan untuk mewujudkan sistem tadbir urus sendiri.

Perkara paling penting dalam tadbir urus dan pengurusan halal adalah memastikan integriti halal terus dilaksanakan dengan memastikan tiga perkara iaitu pertama melantik eksekutif halal, kedua melaksanakan audit dalaman dan ketiga mewujud serta melaksanakan sistem pengurusan jaminan halal (HAS).

Eksekutif halal berperanan sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam organisasi bagi memastikan produk atau perkhidmatan adalah patuh syariah.

Dalam konteks ini, mereka perlu menjadi mata dan telinga untuk memastikan segala proses di syarikatnya dilaksanakan mengikut syarat ditetapkan.

Audit dalaman berperanan mengenal pasti proses pengeluaran yang perlu ditambah baik serta merekod ketidakpatuhan dan memastikan tindakan pembetulan dilakukan dengan segera.

HAS adalah satu sistem pengurusan halal bagi memastikan dan memelihara integriti halal suatu produk atau perkhidmatan.

Asas utama dalam industri halal adalah setiap perkara dianggap halal selagi mana tidak ada nas yang jelas tentang apa yang haram pada perkara tersebut.

Perkara utama pematuhan syariah dalam industri halal adalah tidak melanggar batasan yang ditetapkan oleh syarak.

Prinsip syariah boleh didapati daripada al-Quran, hadis, pandangan ulama, Majlis Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, undang-undang dan standard.

Perkara penting yang perlu diberi perhatian ialah industri halal berkembang sejajar dengan perkembangan sains dan teknologi.

Pada zaman silam, perbincangan tentang halal hanya melibatkan makanan tetapi hari ini, ia telah melangkaui barang gunaan lain. Oleh kerana halal banyak melibatkan proses, sains dan teknologi, maka penentuan status halal sesuatu produk menjadi semakin sukar.

Secara umumnya, produk halal mestilah tidak mengandungi bahan daripada haiwan haram, najis, anggota manusia, bahan yang memabukkan, bahan yang berbahaya dan tidak diproses secara tidak halal. – Bernama